

## *Penggunaan Mentimeter Dalam Penulisan Karangan Berdasarkan Gambar*

**Rozana Mohamad Said**

Rozana\_mohamed\_said@schools.gov.sg

**Siti Raihani Husainni**

siti\_raihani\_husainni@schools.gov.sg

**Sekolah Rendah Junyuan**

### *Abstrak*

Murid Darjah 3 dan 4 didapati menghadapi cabaran semasa menulis karangan berdasarkan gambar. Secara umum, mereka tidak mampu untuk mengembangkan idea. Penguasaan kosa kata murid juga terhad. Oleh itu, kajian ini memberi tumpuan pada penggunaan ICT *Webtool 2.0 Mentimeter* untuk membantu murid menulis dengan baik dan tersusun. Selain itu, kajian ini juga bertujuan membina kemampuan murid untuk belajar secara kolaboratif dengan penerapan *Mentimeter*. Dapatan kajian menunjukkan penggunaan *Mentimeter* membolehkan semua murid melibatkan diri secara aktif dan berinteraksi secara serentak bersama rakan-rakan. Melalui aplikasi ini, murid juga dapat berkongsi idea melalui aktiviti sumbang saran. Dengan kolaborasi tersebut, mereka dapat menambah nilai pengetahuan sedia ada mereka. Ini membolehkan murid menulis karangan dengan isi yang lebih padat dan jalan cerita yang menarik. Terdapat peningkatan dari segi markah SA2 murid selepas penggunaan *Mentimeter*.

Kata Kunci: kemahiran menulis, kosa kata, ICT, sumbang saran, kolaboratif, *webtool*



## PENGENALAN

Menulis karangan adalah salah satu kemahiran yang diuji dalam ujian dan peperiksaan Bahasa Melayu. Oleh itu, penguasaan kemahiran menulis dalam kalangan murid-murid amat penting untuk membina sebuah karangan yang baik. Seseorang murid perlu mempunyai idea tentang gambar atau topik yang diberikan dan boleh membina ayat yang gramatis untuk menghasilkan sebuah penulisan yang baik. Keterbatasan pengetahuan dari segi kosa kata sering menghambat murid untuk mengembangkan idea dalam karangan. Lantas, menyebabkan kemampuan menghasilkan karangan yang baik terbatas.

Bagi menarik minat murid dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran menulis mereka, pembelajaran melalui penggunaan ICT telah diusahakan. ICT *Webtool 2.0 Mentimeter* telah dikenal pasti sebagai instrumen kajian. Dengan penggunaan *Mentimeter* diharapkan murid dapat terlibat secara aktif dalam mengembangkan idea mereka.

## PERNYATAAN MASALAH

Berdasarkan markah karangan ujian semester kedua (SA2) 2017, didapati murid Darjah 3 dan 4, masih belum dapat menguasai kemahiran menulis berdasarkan gambar bersiri. Murid tidak dapat menulis dengan baik kerana isi dan penggunaan bahasa dalam karangan mereka agak lemah. Lebih-lebih lagi bagi murid Darjah 3 yang baru terdedah kepada penulisan karangan berperenggan dan memerlukan mereka menulis sekurang-kurangnya 60 patah perkataan.

Hasil penelitian praintervensi, mendapati markah purata bagi bahagian isi terdapat pada julat markah yang rendah. Ini menunjukkan idea dalam karangan kurang dikembangkan, jalan cerita yang kurang menarik dan kurang keyakinan dalam penulisan karangan. Guru mendapati murid mempunyai kosa kata yang terhad dan penguasaan bahasa yang perlu ditingkatkan. Mereka tidak dapat menyusun idea menggunakan kosa kata yang sesuai. Tambahan pula, ayat-ayat yang dibina mempunyai banyak kesilapan bahasa. Masalah ini wujud kerana murid amat kurang membaca buku cerita bahasa Melayu dan tidak bertutur dalam Bahasa Ibunda secara kerap.

Untuk mengatasi masalah ini, guru kerap menggalakkan murid belajar secara berkolaborasi supaya mereka dapat meningkatkan kemahiran berbahasa Melayu dan menambah pengetahuan sedia ada mereka.



## TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan dengan tujuan untuk:

1. meningkatkan kebolehan murid menulis karangan dengan isi yang padat;
2. menilai keberkesanan penggunaan ICT *Webtool 2.0 Mentimeter* dalam membantu murid menulis karangan; dan
3. menggalakkan murid berkongsi idea melalui penggunaan *Mentimeter*.

## KAJIAN LEPAS

Kementerian Pendidikan Singapura amat menggalakkan penggunaan peranti dan program ICT dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa. PdP yang terdapat dalam sukatan pelajaran dan bahan-bahan pembelajaran juga menekankan pelibatan murid secara aktif supaya mereka dapat terus mempelajari dan menggunakan Bahasa Melayu dengan yakin dan berkesan.

Vygotsky (1962) menegaskan bahawa pembelajaran dapat terjalin apabila murid berinteraksi dan berkomunikasi secara aktif dan bermakna antara satu sama lain. Dengan itu, murid dapat meraih ilmu melalui interaksi bersama rakan dan juga guru mereka. Justeru, guru perlu mewujudkan ruang yang membolehkan murid berasa selesa dan mudah untuk berinteraksi, berbincang dan berkolaborasi. Ini akan menghasilkan budaya pembelajaran yang lebih kondusif.

Robyn Latessa dan David Mouw (2005) menjelaskan dalam kajian mereka bahawa peserta yang mengambil bahagian dalam pembelajaran yang menggunakan *System Respons Audiens* (SRA) dapat memberikan perhatian, membenarkan peserta memahami pelajaran dengan lebih baik dan juga tertarik dengan pembelajaran tersebut. Oleh kerana penggunaan SRA ini tidak menyatakan penyumbangannya, penyertaan para peserta dapat dipertingkatkan dan diluaskan tanpa rasa terancam. Maklum balas yang diberikan secara langsung amat dihargai para peserta. Dengan ini, mereka berpendapat bahawa penggunaan SRA berpotensi untuk meningkatkan minat dan pelibatan murid bagi topik-topik yang kurang menarik untuk murid secara umum.

## KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menerapkan kaedah Pengajaran Secara Ekplisit. Kaedah ini merupakan kaedah pengajaran yang berstruktur, sistematik dan melibatkan



pengajaran yang menekankan penyertaan murid secara aktif (Roshenshine, 1997). Terdapat lima peringkat, iaitu pengenalan, penerangan, modeling, latihan dan penutup. Bagi memastikan hasil karangan murid dapat ditingkatkan, penggunaan ICT *Webtool 2.0 Mentimeter* telah digunakan. Selain itu, penerapan elemen Amalan Pengajaran Singapura (STP) menjadi keutamaan juga bagi kajian ini. Buku kecil Amalan Pengajaran Singapura yang diterbitkan oleh Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS) menjadi rujukan utama. Dengan penerapan elemen STP ini, guru dapat melaksanakan pengajaran dan menjalankan penilaian dan maklum balas berpandukan langkah-langkah yang telah diberikan. Dalam kertas kajian ini, elemen STP yang diserlahkan adalah bagi dua proses, iaitu pelaksanaan pelajaran dan penilaian dan maklum balas. Aspek pengajaran dan aktiviti mengajar bagi dua proses tersebut dapat dilihat dalam Jadual 1 di bawah ini.

**Jadual 1: Penerapan Amalan Pengajaran Singapura**

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar
Pelaksanaan Pelajaran	AP14: Merangsang Minat  AP15: Menggalakkan Pelibatan Pelajar	AM1: Menggunakan Cerita dan Imejan Penggunaan Gambar Bersiri Dalam <i>Webtool 2.0 Mentimeter</i> yang diberikan secara berperingkat untuk murid mengembangkan idea mereka dengan lebih tersusun.  AM3: Pelibatan Menerusi Kerjasama dan Interaksi Penggunaan ICT <i>Webtool 2.0 Mentimeter</i> membantu murid berkolaborasi dan berkongsi idea secara sihat. Murid dapat meneliti idea-idea rakan yang lain dan menambah nilai pada idea mereka.
Penilaian dan Maklum Balas	AP23: Menyokong Pembelajaran Secara Kendiri	AM2 : Memantau Pembelajaran Saya Menggunakan Ringkasan 3-2-1 Penggunaan Pas Keluar 3-2-1 pada akhir pelajaran membantu murid membuat refleksi apa yang telah mereka pelajari. Pas keluar ini juga berfungsi untuk guru mengetahui pemahaman murid terhadap pelajaran tersebut dan melakukan usaha susulan.
Penerangan dan Justifikasi	Aspek pengajaran yang diambil kira bagi kajian ini diselaraskan dengan tujuan kajian ini. Aspek pengajaran ini digunakan untuk melibatkan murid secara aktif dalam pembelajaran dan dapat merangsang minat melibatkan diri dalam aktiviti sumbang saran dengan menggunakan <i>Mentimeter</i> . Selain itu, murid juga diharapkan dapat menilai hasil pembelajaran mereka secara sendiri.	

## Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada 33 orang murid Darjah 3 yang mempunyai kebolehan melebihi aras kebolehan dan 35 orang murid Darjah 4 yang berada pada aras kebolehan dan praaras kebolehan. Tiada kumpulan kawalan yang digunakan. Pemilihan subjek bagi peringkat ini dilakukan untuk melatih dan meningkatkan keupayaan murid menulis karangan berdasarkan empat gambar bersiri.

## Instrumen Kajian

Kajian ini menggabungkan penggunaan kaedah kuantitatif dan kualitatif untuk mengumpul dan menganalisis data. Instrumen kajian terdiri daripada aplikasi ICT *Webtool 2.0 Mentimeter*, templat karangan gambar bersiri, bahan hasil perkongsian idea di *Mentimeter*, templat refleksi pas keluar 3-2-1 dan templat maklum balas.

Aplikasi ICT *Webtool 2.0 Mentimeter* digunakan sebagai instrumen kajian kerana *Mentimeter* membolehkan guru untuk melibatkan semua murid secara serentak. Murid akan lebih terlibat dalam pembentangan dan perbincangan apabila diberi peluang untuk membuat keputusan. Ia boleh meningkatkan kecekapan dan keberkesanan melalui kerjasama, selain menjadikannya lebih mudah untuk murid menghasilkan kandungan.

## Prosedur Kajian

Kajian ini dijalankan sepanjang enam pelajaran dan setiap pelajaran mengambil masa dalam 5 waktu. Guru menerapkan kaedah Pengajaran Secara Eksplisit yang diutarakan oleh Rosenshine (1997). Kaedah ini merupakan kaedah pengajaran yang berstruktur, sistematik dan melibatkan penyertaan yang aktif murid dalam proses pembelajaran.

Pada tiga waktu pertama pelajaran, murid menggunakan aplikasi *Webtool 2.0 Mentimeter*. Murid diberikan perancangan oleh guru untuk merangsang pemikiran melalui imejan yang berkaitan dengan tema gambar bersiri. Kemudian, guru menjelaskan objektif pelajaran.

Satu set gambar yang mengandungi empat gambar bersiri pula akan ditayangkan berserta perkataan dan frasa bantuan untuk memberikan gambaran keseluruhan. Guru akan menjelaskan aktiviti *Word Cloud*, iaitu sejenis SRA dalam penggunaan *Mentimeter*. Murid akan fokus pada gambar pertama dan dikehendaki memberikan tiga kosa kata berdasarkan gambar tersebut secara individu.



Guru bertindak sebagai fasilitator dengan memberi maklum balas tentang idea yang baik dan juga yang kurang sesuai untuk digunakan dalam penulisan karangan berdasarkan hasil perkongsian tersebut. Setelah perkongsian dijalankan, murid memilih sekumpulan kosa kata yang telah mereka pelajari yang boleh mereka gunakan untuk karangan mereka. Murid kemudian mencatat sekumpulan kosa kata itu di dalam templat lakaran karangan.

Bagi aktiviti selanjutnya, murid membina ayat utama bagi gambar bersiri tersebut berdasarkan idea yang telah dibincangkan bersama guru di dalam kelas. Langkah-langkah ini diulang bagi keempat-empat gambar bersiri.

Setelah itu, murid membincangkan satu nilai atau pengajaran yang berkaitan dengan karangan ini. Guru selanjutnya merumuskan hasil jawapan murid.

Pada akhir tiga masa pertama pelajaran, guru memuat turun segala hasil jawapan murid melalui aplikasi *Mentimeter*. Guru kemudian membetulkan jawapan mereka agar murid dapat menggunakan maklumat yang tepat. Hasil tersebut dicetak untuk semua murid dan diedarkan pada pelajaran berikutnya.

Pada dua masa pengajaran seterusnya, Murid mengimbas kembali pelajaran berasaskan *Mentimeter* yang telah dijalankan sebelum ini. Guru mengedarkan hasil jawapan dan templat lakaran karangan untuk murid. Murid selanjutnya membaca semula bahan pembelajaran secara kolaboratif. Murid menggunakan masa selama 40 minit untuk menyelesaikan karangan gambar bersiri berpandukan hasil templat lakaran tersebut dan juga hasil perkongsian maklumat melalui *Mentimeter*.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Setelah melaksanakan usaha intervensi ini, penggunaan *Mentimeter* membantu murid membina kosa kata dan idea utama bagi setiap gambar dengan lebih tersusun. Murid juga dapat belajar daripada rakan-rakan yang lain.






## Jadual 2: Contoh Hasil Jawapan SRA Murid Darjah 3 dalam Bentuk *Speech Bubbles*

Soalan bagi Gambar 1 hingga 4: Bina ayat bagi idea utama untuk gambar bersiri ini berdasarkan kosa kata yang telah dikumpulkan.

<b>Respons Murid bagi Gambar 1</b>	
Murid 1	Farah dan Ahmad sedang berjalan di gelanggang bola keranjang. Mereka ternampak sekeping wang kertas di lantai.
Murid 2	Adi dan Budi baru selesai bermain bola keranjang. Semasa berjalan ke kelas mereka ternampak wang kertas. Mereka terkejut.
Murid 3	Adi dan Ali sedang berjalan bersama-sama ke kelas. Tiba-tiba, mereka ternampak wang kertas. Mereka terperanjat.
<b>Respons Murid bagi Gambar 2</b>	
Murid 1	Adi hendak mengambil wang itu untuk membeli mainan. Ali tidak mahu mengambil wang itu. Dia takut Cikgu Sasha marah.
Murid 2	“Haqiz, kita boleh beli mainan dengan wang ini, “ kata Rahman.
Murid 3	Ahmad hendak membeli mainan dengan wang itu. Farid berasa cemas dan takut.
<b>Respons Murid bagi Gambar 3</b>	
Murid 1	Hadi tidak bersetuju dengan cadangan Halim untuk membeli mainan.
Murid 2	Ali menyarankan kepada David agar tidak membeli mainan dengan wang itu.
Murid 3	Aziz tidak bersetuju untuk membeli mainan kerana wang itu bukan wang mereka.
<b>Respons Murid bagi Gambar 4</b>	
Murid 1	Cikgu Salmah berbesar hati kerana Adi dan Ali memulangkan wang itu.
Murid 2	Adil dan Ryan gembira kerana mereka bersikap jujur.
Murid 3	Cikgu Sarah mengucapkan terima kasih kerana mereka memulangkan wang itu.



### Rajah 3: Gambar Bersiri untuk Darjah 4



**Jadual 3: Contoh Hasil Jawapan SRA Murid Darjah 4 dalam Bentuk *Speech Bubbles***

Soalan bagi Gambar 1 hingga 4: Bina ayat bagi idea utama untuk gambar bersiri ini berdasarkan kosa kata yang telah dikumpulkan.

<b>Respons Murid bagi Gambar 1</b>	
Murid 1	Hadi berpura-pura membaca surat khabar di taman.
Murid 2	Puan Lim sedang berjalan di taman untuk pulang ke rumah.
Murid 3	Puan Lim membeli sayur di pasar. Dia berjalan pulang ke rumah.
<b>Respons Murid bagi Gambar 2</b>	
Murid 1	Abu menolak Puan Lim lalu merampas beg duitnya.
Murid 2	Abu berjalan ke arah Puan Lim lalu merampas beg Puan Lim.
Murid 3	"Aduh, beg saya dicuri! Puan Lim menjerit.
<b>Respons Murid bagi Gambar 3</b>	
Murid 1	Bakar dan Hanis mengejar Abu. Mereka berlari dengan pantas.
Murid 2	Abu berlari dengan pantas. Bakar menjerit "Pencuri, pencuri!"
Murid 3	Puan Maya menolong Puan Lim yang terjatuh.
<b>Respons Murid bagi Gambar 4</b>	
Murid 1	Aniq dan Bakar berjaya menangkap pencuri itu.
Murid 2	Bakar melaporkan kejadian itu kepada polis.
Murid 3	Abu ditangkap dan dia menyesal.




Berdasarkan analisis pencapaian murid yang terdapat dalam Rajah 4, didapati bahawa kedua-dua kumpulan sasaran menunjukkan prestasi yang lebih baik untuk keputusan SA2 berbanding praintervensi.


Bagi kumpulan murid Darjah 3, markah purata meningkat daripada 9.3 ke 12.2. Markah tertinggi dan markah terendah meningkat daripada 12 kepada 15 dan 5 kepada 9 dan. Markah median turut naik daripada 9 kepada 12 markah.

Bagi kumpulan murid Darjah 4, markah purata naik daripada 9.4 kepada 10.2, markah terendah pula meningkat daripada 5 kepada 6, markah median meningkat daripada 9.5 kepada 10.5 dan julat sisihan piawai berjaya dikecilkan daripada 2.1 kepada 1.6.

**Rajah 4: Analisis Data Markah Karangan Praintervensi Berbanding SA2 bagi Darjah 3**



**Rajah 5: Analisis Data Markah Karangan Pralntervensi Berbanding SA2 bagi Darjah 4**



Merujuk pada maklum balas murid pula, terdapat dapatan yang positif. Semua subjek kajian bagi Darjah 3 dan 4 menyatakan sangat setuju dan setuju bahawa mereka dapat mempelajari kosa kata yang baharu melalui penggunaan *Mentimeter* dan dapat menggunakan *Mentimeter* dengan baik. Sebanyak 93.9% murid Darjah 3 dan 100% murid Darjah 4 menyatakan mereka dapat belajar secara kolaborasi dengan menggunakan *Mentimeter*. Murid mampu mengaplikasikan pengetahuan daripada hasil perkongsian dalam penulisan karangan mereka.

**Jadual 4: Dapatan Berdasarkan Maklum Balas Murid Darjah 3 tentang Penggunaan *Mentimeter***

No	Item	😊😊 😊😊	😊😊😊	😊😊	😊
1.	Saya dapat mempelajari kosa kata yang baharu melalui penggunaan <i>Mentimeter</i> .	60.6%	39.4%	0%	0%
2.	Saya dapat menggunakan <i>Mentimeter</i> dengan baik.	75.8%	24.2%	0%	0%
3.	Saya dapat belajar secara kolaborasi dengan menggunakan <i>Mentimeter</i> .	60.6	33.3%	6.1%	0%
4.	Saya dapat menulis karangan saya dengan lebih baik selepas menjalani aktiviti menggunakan <i>Mentimeter</i> .	27.3%	66.7%	6.0%	0%
5.	Saya dapat melihat kerja-kerja rakan melalui aktiviti menggunakan <i>Mentimeter</i> dan mendapat idea-idea daripada hasil kerja rakan-rakan.	72.7%	18.2%	3.0%	0%

Jumlah Murid: 33



**Jadual 5: Dapatan Berdasarkan Maklum Balas Murid Darjah 4 tentang Penggunaan *Mentimeter***

No	Item	😊😊 😊😊	😊😊😊	😊😊	😊
1.	Saya dapat mempelajari kosa kata yang baharu melalui penggunaan <i>Mentimeter</i> .	45.7%	54.3%	0%	0%
2.	Saya dapat menggunakan <i>Mentimeter</i> dengan baik.	60%	40%	0%	0%
3.	Saya dapat belajar secara kolaborasi dengan menggunakan <i>Mentimeter</i> .	54.3%	45.7%	0%	0%
4.	Saya dapat menulis karangan saya dengan lebih baik selepas menjalani aktiviti menggunakan <i>Mentimeter</i> .	48.6%	51.4%	0%	0%
5.	Saya dapat melihat kerja-kerja rakan melalui aktiviti menggunakan <i>Mentimeter</i> dan mendapat idea-idea daripada hasil kerja rakan-rakan.	51.4%	48.6%	0%	0%

Jumlah Murid: 35

## KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian ini telah mencapai objektifnya, iaitu murid mampu menulis karangan dengan kandungan isi yang lebih padat. Ternyata juga, *Webtool 2.0 Mentimeter* amat berkesan sebagai instrumen pengajaran. *Webtool* ini bukan sahaja membenarkan murid berkolaborasi secara efektif, ia juga menjadikan mereka lebih terlibat dan berminat sepanjang proses pembelajaran.

Kaedah SRA yang terdapat dalam aplikasi *Mentimeter* membolehkan perkongsian secara langsung. Dengan cara ini, guru dapat memberikan maklum balas terhadap idea-idea yang telah disumbang saran oleh murid. Strategi ini penting supaya murid dapat memperbaiki kesilapan daripada segi isi dan penggunaan bahasa pada peringkat yang lebih awal. Hasil perbincangan juga dapat disimpan dan dicetak untuk kegunaan murid. Yang penting, setelah melalui beberapa pusingan pengajaran dengan menggunakan *Mentimeter*, murid semakin yakin dan tidak ragu-ragu untuk berkongsi jawapan serta dapat menghasilkan karangan yang lebih baik. Keberkesanan kajian ini juga disokong dengan penerapan elemen STP. Langkah-langkah aktiviti

mengajar membimbing guru melaksanakan pelajaran dengan lebih terarah. Oleh itu, disarankan agar guru-guru kerap menerapkan elemen STP ini dalam pengajaran dan pembelajaran mereka.

Guru yang turut terlibat dalam kajian:

1. Nadhirah Binte Yusope

## **RUJUKAN**

Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018), *Amalan Pengajaran Singapura*, Singapura: Oxford Graphic Printers Pte. Ltd.

Robyn Latessa & David Mouw, (2005) *Use of an Audience Response System to Augment Interactive Learning*

Rosenshine, B. (1997). Advance in research on instruction. Hal. 197-221. Ahwah NJ: Lawrence Erlbaum Associates.

Vygotsky, L.S. (1962). *Thought and Language*. Cambridge, MA: MIT Press.

